

PRAKTIKKAN, TERAPKAN PENGETAHUAN DARI BRUNEI MYCE 2021



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (tengah) semasa bergambar ramai pada Majlis Penghargaan untuk Brunei MYCE 2021 yang diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS); Radio Televisyen Brunei (RTB); dan Brunei Press Sdn. Bhd. sebagai rakan media; dan Syarikat DST Sdn. Bhd. sebagai rakan telekomunikasi; dan Cityneon Displays & Constructions Sdn. Bhd. sebagai Pengurus Acara Brunei MYCE 2021 dan juga agensi media dan sektor swasta.

Brunei MYCE 2021 adalah inisiatif KSSUP untuk mempromosikan perkongsian pengetahuan dan meningkatkan aktiviti perniagaan di pelbagai sektor. Brunei MYCE 2021 diadakan selama sebulan pada bulan Jun di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Lebih 3,000 peserta menghadiri pelbagai persidangan, forum dan seminar yang diadakan pada Brunei MYCE 2021.

Pameran Brunei MYCE 2021 turut mencatatkan sekitar 7,820 pengunjung dengan sekitar 2,413 pengunjung adalah para pelajar daripada 24 sekolah.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BRUNEI MYCE 2021
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Julai. - Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2021 (Brunei MYCE 2021) adalah titik permulaan untuk meletakkan Brunei sebagai hab MICE (Meetings, Incentives, Conference and Events) setaraf dengan negara-negara lain.

Dengan lebih banyak penglibatan daripada sektor swasta, institusi pendidikan tinggi, komuniti perniagaan, NGO dan institusi tempatan dan asing lainnya, Brunei MYCE 2021 dihasratkan akan dapat didorong oleh sektor swasta untuk menjadikannya lebih keberkesanan kos dan mampan

pada masa hadapan.

Brunei MYCE 2021 juga telah memberikan maklumat berguna kepada para peserta, di samping perkongsian pengetahuan daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apeng mengongsikan perkara tersebut semasa berucap pada Majlis Penghargaan untuk Brunei MYCE 2021 yang diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Brunei MYCE 2021 juga menekankan bahawa pengetahuan yang diperolehi daripada acara tersebut perlu diterapkan dan dipraktikkan, misalnya, dengan membuat dan

memperbaiki dasar atau program yang dapat meningkatkan pengeluaran sektor pertanian, pengurusan sumber hutan yang lebih lestari, meningkatkan tenaga bersih dan sumber lestari, mewujudkan sistem pengurusan zakat dan wakaf yang lebih cekap dan mengembangkan pasaran modal Islam yang kuat.

Yang Berhormat juga berharap akan ada lebih banyak tenaga mahir dalam bidang teknologi digital dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti pengekodan dan pengaturcaraan perisian, sesuai dengan Revolusi Industri 4.0.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari; Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap dan para pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), KSSUP, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Tenaga.

Juga hadir, wakil dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Brunei Darussalam Central Bank (BDCB); Sekretariat Perubahan Iklim Brunei (BCCS); Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF); Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI); Information Technology Protective

Tahlil sempena Sambutan Bulan Bahasa 2021



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Julai. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menerusi Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan Majlis Membaca Surah Yasin dan Tahlil, khusus bagi Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran

Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Sambutan Bulan Bahasa 2021, yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, dipimpin oleh Imam Tingkat I, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhd. Arif bin Haji Johari.

Majlis ini merupakan acara kesinambungan selepas Majlis Doa Kesyukuran dan Khatam Al-Quran sempena Sambutan Bulan Bahasa 2021, yang diadakan pada sebelah paginya.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KKBS; Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Bulan Bahasa 2021; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai kanan; dan para penulis juga para pencinta bahasa dan sastera.

Manfaatkan SSM ke arah pengurusan cemerlang, bersistematik

>> Muka 11

Yang Berhormat juga berharap SSM ini akan dapat digunakan secara sepenuhnya dan menyeluruh bagi memastikan pelaburan kerajaan dalam sistem itu berbaloi.

"Seperkara yang penting lagi adalah JPA diberikan tugas untuk memastikan dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang mengawal Perkhidmatan Awam itu adalah berkesan dan bertepatan dengan peredaran masa, terutamanya yang menyentuh mengenai budaya kerja, prestasi, produktiviti dan kesejahteraan warga Perkhidmatan Awam.

"Sesungguhnya JPA memang memikul satu amanah yang besar, bukan sahaja untuk menjayakan dan meningkatkan kelicinan jentera kerajaan, namun bagi menyumbang kepada merealisasikan Matlamat 1 Wawasan Brunei 2035, iaitu 'Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya'," terang Yang Berhormat.

Pastikan pemasangan pendawaian elektrik dikendalikan pakar bertauliah



Pelita BRUNEI
 Pelita Brunei
 pelitabrunei
 pelitabrunei